

18 JAN 2000

Empangan

KERAJAAN PAS BERHATI-HATI DALAM KAJIAN PROJEK EMPANGAN KEDUA

KUALA TERENGGANU, 18 Jan (Bernama) -- Kerajaan Pas Terengganu sentiasa berhati-hati terhadap laporan kajian mengenai pembinaan empangan kedua di Tasik Kenyir bagi memastikan projek tidak menjejaskan alam sekitar serta merugikan kerajaan pada masa akan datang.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri Yahaya Ali berkata kajian mengenai alam sekitar bagi projek berkenaan masih dijalankan oleh tenaga pakar dari universiti tempatan.

"Kita ada dua pilihan projek iaitu sama ada pembinaan empangan Besul di Hulu Terengganu atau empangan kedua di Tasik Kenyir... kita lihat yang mana lebih penting untuk keperluan jangka masa panjang," katanya selepas mengadakan lawatan ke ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB) dekat sini hari ini.

Yahaya berkata apabila projek yang bernilai RM1.5 bilion itu siap, ia dijangka mampu membekalkan antara 200 dan 400 megawatt tenaga elektrik.

Beliau berkata pembinaan empangan kedua itu membabitkan kawasan seluas antara 4,800 dan 6,000 hektar tidak jauh dari Tasik Kenyir yang seluas 38,000 hektar serta membabitkan beberapa sungai termasuk Sungai Petuang dan Tembat.

Pelaksanaan projek itu akan menjadikan Terengganu sebagai pembekal utama tenaga elektrik di negara ini. Setakat ini, Terengganu membekal kira-kira 1,250 megawatt tenaga elektrik untuk keperluan negara termasuk janakuasa elektrik di Paka, Dungun yang mampu membekal 1,000 megawatt.

Mengenai pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di Seberang Takir, Yahaya berkata projek itu akan diteruskan sebagaimana yang telah dipersetujui sebelum ini dan tiada syarat-syarat baru dikenakan.

"Kini projek itu dalam proses rekabentuk dan apabila siap, barulah proses pengambilan tanah dimulakan," katanya.

Menurutnya pihak perunding projek, KLIA Berhad bertanggungjawab untuk merangka pembesaran lapangan terbang itu yang melibatkan pembesaran terminal dan pemanjangan landasan untuk membolehkan pesawat B747 mendarat.

Projek yang telah disempurnakan upacara pecah tanahnya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November lepas itu, dijangka siap dalam tempoh lima tahun dan menjadi pintu masuk antarabangsa bagi pantai timur.

Mengenai projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT), beliau berkata kerajaan negeri sedia menimbangkan sebarang tawaran daripada mana-mana pihak swasta yang ingin membina lebuhraya berkenaan di negeri ini.

Projek sepanjang 338 km dari Karak di Pahang dan Cendering, Terengganu itu dijangka menelan kos sebanyak RM2.8 bilion dan kerja pecah tanah telah dilaksanakan pada November lepas di kedua-dua buah negeri.

-- BERNAMA

SBS NMO